



# **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

---

VERSI ATAS TALIAN TEKS  
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

---

## **Akta 355**

### **AKTA MAHKAMAH SYARIAH (BIDANG KUASA JENAYAH) 1965**

*Sebagaimana pada 1 September 2014*

**AKTA MAHKAMAH SYARIAH  
(BIDANG KUASA JENAYAH) 1965**

Pertama kali diperbuat     ...   ...   ...   ...   1965 (Akta 23 tahun  
1965)

Disemak   ...   ...   ...   ...   ...   ...   ...   1988 (Akta 355 m.b.p  
1 Disember 1988)

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 355**

**AKTA MAHKAMAH SYARIAH  
(BIDANG KUASA JENAYAH) 1965**

---

**SUSUNAN SEKSYEN**

---

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Bidang kuasa Jenayah Mahkamah Syariah
3. Pengesahan



## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 355

#### AKTA MAHKAMAH SYARIAH (BIDANG KUASA JENAYAH) 1965

Suatu Akta untuk memberi bidang kuasa kepada Mahkamah yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang Negeri bagi maksud membicarakan kesalahan di bawah hukum Syarak.

[1 April 1965]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

#### Tajuk ringkas dan pemakaian

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965.  
  
(2) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.

#### Bidang kuasa Jenayah Mahkamah Syariah

2. Mahkamah Syariah yang ditubuhkan dengan sempurnanya di bawah mana-mana undang-undang dalam sesuatu Negeri dan diberi bidang kuasa ke atas orang yang menganuti agama Islam dan berkenaan dengan mana-mana perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai II bagi Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dengan ini diberi bidang

kuasa berkenaan dengan kesalahan terhadap rukun agama Islam oleh orang yang menganuti agama tersebut yang boleh ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis:

Dengan syarat bahawa bidang kuasa sedemikian tidaklah boleh dijalankan berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman tersebut.

### **Pengesahan**

3. Segala kesalahan di bawah hukum Syarak yang sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, yang berhubungan dengan Negeri-Negeri di Semenanjung Malaysia dan yang sebelum mula berkuatkuasanya Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan dan Perluasan) 1989 [Akta A730] yang berhubungan dengan Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak telah dibicarakan oleh mana-mana Mahkamah yang disebut terdahulu hendaklah disifatkan telah dibicarakan dengan sah seolah-olah bidang kuasa yang berkenaan dengannya telah diberi kepada Mahkamah tersebut oleh undang-undang Persekutuan.

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 355****AKTA MAHKAMAH SYARIAH  
(BIDANG KUASA JENAYAH) 1965****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A612	Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1984	01-01-1984
Akta A730	Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan dan Perluasan) 1989	05-05-1989
Akta A996	Akta Tafsiran (Pindaan) 1997	24-07-1997

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 355****AKTA MAHKAMAH SYARIAH  
(BIDANG KUASA JENAYAH) 1965****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
1	Akta A730	05-05-1989
2	Akta A627	01-01-1986
3	Akta A730 Akta A996	05-05-1989 24-07-1997

---